

TABUNG AZAM KE BAITULLAH (TABAH) RAIH SAMBUTAN WARGA PDRM

KUALA LUMPUR, 22 NOVEMBER 2023: Lembaga Tabung Haji (**TH**) dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah bekerjasama bagi menggalakkan semua warga PDRM beragama Islam untuk membuka akaun **TH** dan membuat caruman menerusi potongan gaji bulanan ke dalam akaun **TH** serta mendaftar untuk mengerjakan Haji.

Kempen pembukaan akaun **TH** dan caruman bulanan dibawah program Tabung Azam ke Baitullah (TABAH) ini diperkenalkan kepada anggota PDRM yang ingin menjadi pendeposit **TH** dan membuat caruman bulanan melalui potongan gaji.

Selaras dengan usaha **TH** untuk menggalakkan potongan caruman bulanan Tabung Haji, PUK, KPE Tabung Haji Tuan Syed Hamadah Syed Othman yakin kempen ini dapat memberi manfaat sekaligus memudahkan lebih 100,000 anggota PDRM seluruh negara untuk membuat simpanan setiap bulan.

"Bagi memudahkan warga PDRM menyimpan bagi tujuan haji, pihak **TH** telah bekerjasama dengan pihak PDRM untuk mengadakan kempen potongan caruman bulanan yang akan memudahkan warga PDRM membuat simpanan setiap bulan," kata beliau.

"Saya yakin dengan potongan gaji ini, warga PDRM tidak perlu lagi bimbang jika terlupa untuk membuat simpanan haji bulanan masing-masing, sekali gus merealisasikan impian tuan-tuan dan puan-puan untuk menunaikan haji," tambah beliau.

Ketua Polis Negara, Inspektor Jeneral Tan Sri Razarudin Husain berkata menerusi kempen **TH** ini, seramai 171 orang pelatih konstabel telah membuka akaun **TH** dan membuat caruman bulanan secara potongan gaji.

"Saya yakin menerusi program seumpama ini, kita dapat memberikan penerangan secara terus kepada para pelatih yang terdiri daripada anak-anak muda, sekaligus memberikan kesedaran untuk menyediakan tabungan seawal mungkin bagi menunaikan haji," kata beliau.

Menerusi Program CSR Zakat, **TH** turut menyumbang RM500,000 kepada PDRM untuk menyediakan kenderaan ubah suai menjadi surau bergerak bagi kegunaan anggotanya.

“Kami berharap surau bergerak ini dapat memberi kemudahan kepada warga PDRM yang beragama Islam untuk mendirikan solat dengan selesa ketika bertugas melakukan operasi di lapangan. Surau tersebut boleh menampung beberapa orang anggota dalam satu masa bagi tujuan solat berjemaah,” jelas beliau lagi.

Majlis yang diadakan di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur telah dihadiri oleh Ketua Polis Negara, Inspektor Jeneral Tan Sri Razarudin Husain, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Tuan Syed Hamadah Syed Othman serta Pengarah Eksekutif Operasi **TH**, Mohamed Ameen Abdul Wahab.

-Tamat-

TENTANG LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini merancang simpanan bagi menunaikan ibadat haji.

Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara dan mempunyai pengalaman 60 tahun, **TH** sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan sistematik demi menjaga kebajikan jemaah haji Malaysia (tidak termasuk urusan umrah). Selain diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan simpanan pendeposit serta urusan haji yang efisien, **TH** turut menjalankan aktiviti pelaburan dalam dan luar negara yang berlandaskan syariah bagi memberi nilai tambah kepada simpanan para pendeposit.

Pencapaian **TH** yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif dan mempunyai hampir sembilan juta pendeposit serta 123 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** turut mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan **TH**, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Pusat Panggilan **TH** (**THCC**) di talian +603-6207 1919.

Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Alisha Nur Mohd Noor
Eksekutif Perhubungan Media
Bahagian Komunikasi Korporat
Tel: +603-2027 5600 atau +6019-675 1762
Emel: alisha.nur@lth.gov.my

Mohamad Naser Jaffar
Penolong Pengurus Besar
Perhubungan Awam
Bahagian Komunikasi Korporat
Tel: +603-2054 2451 atau +6019-200 8438
Emel: naser@lth.gov.my